

1

Sekiranya mata CEP bagi tahun pertama saya melebihi 30 mata, adakah mata CEP ini boleh dibawa ke tahun berikutnya?

Boleh, dan pengiraan keseluruhan bagi tempoh tiga tahun yang diperlukan masih sama iaitu 90 mata CEP.



2

Berapa jumlah maksimum mata CEP yang dibenarkan dibawa ke tahun berikutnya?

Jumlah maksimum yang dibenarkan di bawa ke tahun berikutnya adalah 15 mata sahaja.



3

Saya ingin membuat permohonan pembaharuan sijil kompetensi sebagai OYK yang berdaftar dengan JKPP pada 18 September 2020. Pada bulan berapakah bukti-bukti kerja yang saya perlu lampirkan?

Bukti-bukti kerja tiga (3) bulan terkini yang perlu dilampirkan adalah untuk bulan Jun 2020, Julai 2020 dan Ogos 2020.



4

Berapa mata CEP yang perlu saya kumpul bagi tujuan permohonan pembaharuan sijil kompetensi saya sebagai OYK yang berdaftar dengan JKPP?

Jumlah mata CEP yang wajib dikumpulkan oleh OYK/OYB untuk setahun adalah 30 mata. Manakala jumlah keseluruhan mata CEP yang wajib dikumpul dalam tempoh tiga tahun adalah 90 mata



JKKP/DOSH



FREQUENTLY ASKED QUESTIONS PEMBAHARUAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

5

Sekiranya saya tidak bekerja atau telah diberhentikan kerja sebelum membuat pendaftaran atau pembaharuan sijil kompetensi saya sebagai OYK yang berdaftar dengan JKPP, adakah saya masih boleh membuat permohonan di atas talian mykkp?

Tidak, bagi tujuan pendaftaran atau pembaharuan sijil kompetensi saya sebagai OYK yang berdaftar dengan JKPP pemohon perlu mempunyai majikan yang terkini.



6

Saya berhasrat membuat permohonan pembaharuan sijil kompetensi saya sebagai OYK yang berdaftar dengan JKPP 90 hari sebelum tamat tempoh. Sijil kompetensi saya akan tamat pada 24 Februari 2020. Setelah permohonan pembaharuan saya diluluskan pada 12 Disember 2019, mengapa slip menunjukkan tempoh kelayakan saya dari 12/12/2019 – 11/12/2022 dan bukan 24/02/2020 – 23/02/2023?

Bagi sebarang tempoh kelulusan pendaftaran dan pembaharuan kompetensi menerusi sistem MYKKP ia dikira berdasarkan tarikh kelulusan permohonan dan tidak mengambil kira tarikh tamat sijil kompetensi sebelumnya.

7

Apakah bukti-bukti kerja yang perlu dilampirkan semasa permohonan pembaharuan kompetensi SHO?



Antara bukti-bukti kerja yang perlu dilampirkan adalah laporan bulanan, minit mesyuarat, laporan audit dan Nadapod dimana kesemua dokumen perlu disediakan oleh pemohon dan disahkan oleh majikan.

8

Apakah isi kandungan yang perlu dinyatakan dalam laporan bulanan?

Laporan bulanan dalam bentuk rumusan merujuk kepada subperaturan 19(2) Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997.

